

# Ahli MCA setuju beli Nanyang

BH 25 JUN 2001

Oleh Nadzim Ahmad Jamalludin, Munaarfah Abu Bakar dan Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Ahad - Mesyuarat Agung Luar Biasa MCA hari ini meluluskan usul pembelian Nanyang Press Holdings Bhd (Nanyang Press) oleh sayap pelaburan parti itu, Huaren Holdings Bhd (Huaren).

Daripada 2,216 perwakilan seluruh negara yang mengundi, 1,176 atau kira-kira 53 peratus perwakilan menyokong pembelian itu, manakala 1,019 (46 peratus) lagi menentang. 12 undi rosak.

Keputusan itu diumumkan speaker mesyuarat, Yik Phooi Hong, pada jam 3.45 petang selepas proses pengiraan undi selesai.

Seramai 2,385 ahli layak mengundi pada mesyuarat

itu, tetapi hanya 2,216 yang hadir. Pengundian dan pengiraan undi berjalan lancar, walaupun berlaku tolak menolak membabitkan penyokong kedua-dua kern.

**Kumpulan Lapan terima keputusan  
Penyokong bertengkar di luar dewan - Muka 5**

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan dua Naib Presiden, Datuk Fong Chan Onn dan Datuk Ong Ka Ting serta Setiausaha Agung parti, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh adalah antara pemimpin yang menyokong pengambilalihan itu.

Kumpulan Lapan yang menentang pembelian itu pula diketuai Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek

bersama dua lagi Naib Presiden iaitu Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Chan Kong Choy.

Keadaan agak tegang ketika Lim tiba di pekarangan

Wisma MCA, tempat mesyuarat itu diadakan apabila penyokongnya bertindak mengejek dan menunjukkan isyarat tawas kepada Dr Ling yang tiba lebih awal.

Dr Ling yang jelas kelihatan tenang dan tidak terganggu dengan keadaan itu, terpaksa 'dikawal' oleh beberapa pegawai keselamatan bagi membolehkan

beliau masuk ke Dewan Lee San Choon bagi memulakan mesyuarat itu.

Tindakan pengikut Kumpulan Lapan tidak terhenti setakat itu saja, malah berlarutan sehingga menimbulkan sedikit kekecohan di luar dewan, sebaik bermula mesyuarat itu.

Berlaku pertelingkahan antara beberapa perwakilan Johor yang menyokong Dr Ling dan perwakilan Wilayah Persekutuan yang menyokong Kumpulan Lapan kira-kira jam 10.25 pagi memaksa lebih 30 anggota polis mengawal keadaan.

Difahamkan, pertelingkahan itu bermula apabila ada

**LIHAT MUKA 4**

perwakilan yang menyokong Lim tidak dibenarkan menyertai mesyuarat itu sehingga berlaku kejadian cabar mencabar antara penyokong kedua-dua kern.

Ketika mesyuarat berlangsung, polis menyediakan satu balai bergerak, manakala anggota Pasukan Simpanan Persekutuan ditugaskan di sekitar bangunan itu.

Bercakap kepada pemberita selepas keputusan itu diumumkan, Dr Ling berkata beliau berharap semua ahli MCA menerima dan menghormati keputusan yang dibuat perwakilannya.

"Sekarang keputusan sudah dibuat. Saya berharap semua orang akan bersatu padu kerana agenda MCA masih panjang.

"Masih banyak perkara yang perlu kita lakukan. Jadi saya harap semua orang akan bekerjasama dan bersatu padu untuk menghadapi cabaran pada masa depan.

"Kita mahu MCA yang 100 peratus dan bukannya MCA yang berpecah-belah. Dalam hal ini, saya rasa adalah juga menjadi harapan masyarakat Cina di negara ini untuk melihat MCA yang kuat dan bekerjasama dengan semua parti komponen Barisan Nasional (BN) untuk menyampaikan aoa vane rakyat kehendaki," katanya.

Isu yang menjadi perbualan di kalangan masyarakat Cina dan kepimpinan MCA itu bermula dengan pembelian 41,840,902 saham biasa Nanyang Press daripada anak syarikat Kumpu-

lan Hong Leong Bhd, Hume Industries (M) Bhd dan Hume Plastic Sdn Bhd dengan harga RM5.50 sesaham oleh anak syarikat Huaren, Huaren Management Sdn Bhd (HMSB) pada 28 Mei lalu.

Urus niaga itu selesai pada 31 Mei lalu apabila semua saham biasa Nanyang Press dipindah kepada Huaren pada pertimbangan RM230.1 juta secara tunai.

Pada mesyuarat Majlis Presiden 23 Mei lalu, 12 ahli menyokong langkah pembelian itu, manakala tiga lagi iaitu Lim; Chan dan ahli CC, Datuk Fu Ah Kiow.

Pacia mesyuarat CC 30 Mei lalu pula, 32 ahli menyokong sementara lapan orang menentang, termasuk Lim; Chan; Fu; Chua; Ketua Pemuda, Datuk Ong Tee Keat dan Naib Ketua Wanita, Datuk Paduka Tan Yee Kew.

Ditanya mengenai perbezaan undi yang kecil, Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata apa yang penting ialah perwakilan sudah membuat keputusan dan semua pihak perlu menghormatinya.

"Kemenangan adalah te tao satu kemenangan. Sama ada kita menang dengan perbezaan satu, 10.30 atau 150 undi, kemenangan adalah tetap satu kemenangan... ia adalah keputusan parti.

"Saya juga berjanji semua pandangan yang disampaikan oleh ahli MCA berhubung pembelian Nanyang Press akan diberi perhatian serius dan kita akan bincangkannya. Kita juga akan

pastikan sidang pengarang Nanyang Press bebas," katanya.

Mengenai pembahagian keentingan dalam Nanyang Press, Ling berkata perkara itu akan dibincangkan kemudian kerana MCA sedang mencari rakan kongsi strategik serta mempunyai idea dan keupayaan, termasuk dari segi kewangan untuk bekerjasama mengukuhkan Nanyang Press.

"Saya diberitahu oleh Huaren. setakat ini mereka ada tiga tawaran yang sedang dipertimbangkan.

"Bagaimanapun, saya tidak tahu berapa lama dan tidak mahu membuat sebarang spekulasi mengenai berapa lama yang diperlukan untuk menimbang tawaran itu... perlu tanya lembaga (Huaren)," katanya.

Diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa beliau tidak pernah mengarahkan MCA membeli Nanyang Press, Ling berkata beliau belum membaca laporan itu.

"Bagaimanapun, kita akan memberi perhatian serius terhadap apa juga komen yang dibuat oleh Perdana Menteri," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, berkata beliau menghormati keputusan yang dibuat perwakilan.

"Kita berharap dan berdoa semoga ini (undi yang dibuat) tidak akan mencerminkan tentangan terhadap MCA dan kerajaan," katanya.

# EGM lulus beli Nanyang

UM 25 JUN 2001

Bagaimanapun, pembelian itu dapat dikawal oleh sukarelawan Pemuda MCA yang bertanggungjawab terhadap keselamatan.

EGM itu diadakan bagi meluluskan dua resolusi iaitu untuk meluluskan notis singkat yang diberikan bagi memanggil EGM dan untuk mengesahkan keputusan membeli Nanyang Press yang dibuat oleh Majlis Presiden pada 23 Mei dan Jawatankuasa Pusat pada 30 Mei.

Pembelian itu 'memecahkan' MCA kepada dua kern iaitu kern penyokong yang diketuai Dr. Ling dan penentang pimpinan Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek dan Naib-naib Presiden, Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Chan Kong Choy.

Kern penentang mendakwa pembelian 72 peratus kepentingan Nanyang Press yang berharga RM230 juta itu tidak dipersetujui oleh majoriti kaum Cina di negara ini dan perlu disahkan oleh ahli parti.

Dr. Ling menyatakan kegembiraannya atas kematangan perwakilan membuat pilihan secara positif bagi menyokong pembelian tersebut walaupun pihaknya menang dengan majoriti kecil.

"Menang tetap menang tidak kira anda menang dengan satu undi, 10 undi, 100 undi atau 150 undi, itu adalah kehendak parti," ujarnya.

Disoal sama ada keputusan itu boleh dianggap sebagai undi tidak percaya terhadap kumpulan penentang, Dr. Ling berkata, EGM itu diadakan untuk memenuhi satu tujuan sahaja iaitu mengesahkan pembelian Nanyang Press.

"Saya tidak mahu mengeluarkan sebarang perkataan buruk mengenai ahli parti saya, kerana saya percaya keluarga ini (MCA) harus bersatu padu," katanya.

Beliau turut memberikan jaminan akan mengambil perhatian serta menilai semua kebimbangan yang disuarakan oleh pelbagai wakil masyarakat Cina untuk ditangani.

Mengenai cadangan Huaren untuk mencari rakan niaga strategik bagi Nanyang Press, Dr. Ling berkata, ia masih dalam kajian dan lembaga pengarah Huaren sedang menimbang tiga tawaran yang diterima.

"Saya tidak tahu mengenai tawaran tersebut kecuali tawaran Tan Sri Lim Guan Teik (Presiden Gabungan Persatuan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina) yang diketahu umum," katanya.

Beliau juga berkata, akan memberi pertimbangan melupakan sebahagian pegangannya untuk menjadi pemegang saham minoriti jika mempunyai rakan kongsi yang baik.

Mengenai amaran yang diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mdamad semalam terhadap dua akhbar terbitan Nanyang Press, *Nanyang Siang Pau* dan *China Press*, Dr. Ling berkata, beliau belum berkesempatan untuk membaca akhbar tetapi pihaknya akan memberikan pertimbangan serius terhadapnya.

"Saya belum berpeluang untuk membaca akhbar, tetapi apa sahaja komen yang diberikan oleh Perdana Menteri, kita akan membuat pertimbangan serius," ujarnya.

Dr. Mahathir pada Perhimpunan Agung UMNO semalam memberi amaran keras kepada kedua-dua akhbar itu yang disifatkannya membangkitkan isu perkauman yang boleh menjebarkan perpaduan di negara ini.

Isu pembelian Nanyang Press ini menarik perhatian ramai apabila Dr. Mahathir turut dikaitkan dalam isu tersebut sehingga beliau terpaksa membuat penjelasan pada Perhimpunan Agung UMNO yang berakhir semalam.